



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PENILAIAN SEMULA ASMAUL HUSNA MENURUT IBN HAZM

REVIEW OF THE BEAUTIFUL NAMES OF ALLAH ACCORDING TO IBN HAZM

Wan Kamal Nadzif, Wan Jamil^{1*}, Nurul Khairiah Khalid², Norazmi Anas³, Shahril Nizam Zulkipli⁴, Mohd Syukri Mohd Noor⁵

- ¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
Email: wankamal@gmail.com
- ² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
Email: nkhairiah@uitm.edu.my
- ³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia
Email: norazmianas@uitm.edu.my
- ⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia
Email: shah4107@uitm.edu.my
- ⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia
Email: syukri484@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.10.2023

Revised date: 26.11.2023

Accepted date: 22.12.2023

Published date: 31.12.2023

To cite this document:

Wan Jamil, W. K. N., Khalid, N. K., Anas, N., Zulkipli, S. N., & Noor, M. S. M. (2023). Penilaian Semula Asmaul Husna Menurut Ibn Hazm. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 656-672.

DOI: 10.35631/IJEPC.852050

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Perbincangan mengenai Asmaul Husna telah berlangsung sejak zaman awal Islam hingga sekarang. Terdapat tiga hadis yang menghitung nama-nama ini secara terperinci iaitu riwayat al-Tirmizi, Ibn Majah dan al-Hakim. Riwayat yang lain tanpa perincian nama-nama ini. Ibn Hazm di antara tokoh sarjana awal yang berijtihad dalam menghitung nama-nama ini. Kajian ini menggunakan kaedah kajian teks dan perbandingan riwayat dengan menganalisis setiap nama bagi mengenalpasti nama-nama yang bersamaan dan yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan hitungan nama-nama ini tidak sabit untuk disandarkan secara marfu' kepada Nabi SAW sebaliknya ijtihad daripada perawi yang dimasukkan (*mudraj*) untuk menyempurnakan hadis Asmaul Husna. Ibn Hazm mendatangkan 25 nama-nama lain yang tidak bersamaan dengan riwayat al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Hakim.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Asmaul Husna; Hadis; *Mudraj*; Riwayat; Ibn Hazm

Abstract:

The discussion regarding the beautiful names of Allah or *Asmaul Husna* has been ongoing since the early days of Islam until now. There are three hadith that enumerate these names in detail, namely the narrations of al-Tirmizi, Ibn Majah, and al-Hakim. Other narrations were narrated without a detailed breakdown of these names. Ibn Hazm was among the early scholars who exerted effort in enumerating these names. By using the methods of analysis and textual studies, the objective of study is to compare similarities and differences between these names. The results of the study indicate that the enumeration of these names is not firmly attributed (*marfu'*) to the Prophet but instead, it is an opinion (*ijtihad*) from the narrator himself that has been inserted (*mudraj*) to complete the hadith of *Asmaul Husna*. Ibn Hazm presents 25 other names that do not match the narrations of al-Tirmidhi, Ibn Majah, and al-Hakim.

Keywords:

Asmaul Husna; Hadith; *Mudraj*; Narration; Ibn Hazm

Pendahuluan

Nama-nama Allah yang indah atau *Asmaul Husna* merupakan hitungan nama yang merujuk kepada zat Allah SWT. Masyhur dalam dunia Islam dan masyarakat Melayu 99 *Asmaul Husna* yang bersumberkan sebuah hadis riwayat al-Tirmidhi. Terdapat dua riwayat lain yang menghitung nama-nama ini iaitu riwayat Ibn Majah dan al-Hakim. Riwayat yang lain seperti al-Bukhari dan Muslim hanya menyebut bagi Allah SWT itu 99 nama tanpa menghitungnya satu persatu. Nama-nama yang terdapat dalam al-Quran bilangannya tidak mencapai 99.

Berdasarkan kajian Ibn Hazm (m.456H) dalam *al-Muhalla* terdapat 68 nama sahaja (Ibn Hazm, 1352H). Oleh sebab itu para ulama sejak zaman dahulu berijtihad mencari nama-nama ini dalam hadis-hadis Nabi SAW. Al-Quran menyebut *Asmaul Husna* pada empat tempat iaitu al-A'raf, ayat 180, al-Isra', ayat 110, Taha, ayat 8 dan al-Hasyr, ayat 24. Hadis yang menghitung bilangan nama-nama ini hanyalah hadis Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi (m.279H), Ibn Majah (m.273H) dan al-Hakim (m.404H). Manakala lebih 50 riwayat yang bersumberkan hadis Abu Hurairah dalam kitab-kitab hadis menyebut bahawa bagi Allah SWT itu 99 nama tanpa menghitungnya. Antaranya riwayat al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Sesungguhnya bagi Allah itu 99 nama, seratus nama melainkan satu. Sesiapa yang dapat menghitungnya dia masuk ke dalam syurga*" (Al-Bukhari, 2004 & Muslim, 2003).

Ibn Hazm merupakan salah seorang ulama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang keilmuan pada zaman beliau. Kepakaran beliau bukan sahaja dalam bidang fiqh dan hadis, malahan mencakupi bidang keilmuan lain termasuk teologi, undang-undang, kesusasteraan, bahasa, sejarah dan falsafah. Pendidikan beliau yang berlatarbelakangkan pelbagai mazhab juga membolehkan beliau membincangkan isu bilangan *Asmaul Husna* dari pelbagai sudut pandang yang berbeza. Antara ulama yang memuji kehebatan ilmu Ibn Hazm adalah Imam al-

Ghazali yang menyebut: “Aku telah menemui pada Asma’ Allah Al-Husna suatu kitab yang dikarang oleh Abu Muhammad Ibn Hazm Al-Andalusi, yang menunjukkan kehebatan hafalannya dan kepintaran mindanya”. Begitu juga dengan Al-Imam Sa’id (صاعد) bin Ahmad: “Ibn Hazm adalah penduduk Andalus yang paling banyak menghimpunkan ilmu-ilmu Islam dan paling luas pengetahuannya, di samping luas pengetahuannya dalam ilmu lisan, *balaghah* dan syair, dan juga sejarah” (Ibn Zakaria al-Bari, t.t.).

Pendekatan Ibn Hazm terhadap sebarang permasalahan adalah dicirikan oleh kepatuhannya yang ketat kepada al-Quran dan Hadis. Hal ini dikritik oleh sebahagian ulama, namun beliau mempunyai alasan tersendiri bagi pendirian tersebut. Seperti yang diketahui umum, Mazhab Zahiri berpegang kepada *beristidlal* dengan dalil (Noer Yasin, 2005) dan menolak penggunaan penaakulan analogi (*qiyas*). Meskipun Ibn Hazm bermazhab Zahiri, namun dalam mengaplikasi hukum fiqh, beliau mampu menggabungkan di antara pandangan lama Imam al-Shafii dengan pandangan baru Imam al-Shafii. Al-Dhahabi menukilkan pujian al-Humaidi tentang peribadi Ibn Hazm dalam *Siyar A’lam Al-Nubala’*: “Ibn Hazm adalah seorang hafiz hadis dan fiqh, mampu mengistinbat hukum daripada al-Quran dan Sunnah, mahir dalam ilmu yang banyak, serta beramal dengan ilmunya. Kami tidak pernah melihat orang sepertinya pada kecerdikan yang terhimpun padanya, kepantasan menghafal, kemuliaan diri dan kuat beragama. Beliau mempunyai ‘nafas yang panjang’ dalam sastera dan syair. Aku tidak pernah melihat orang yang mengungkapkan syair secara spontan lebih pantas daripada beliau. Syairnya banyak, dan aku telah menghimpunkannya mengikut turutan huruf *mu‘jam*” (al-Dhahabi, 1993).

Biografi Ibnu Hazm al-Andalusi

‘Ali b. Ahmad b. Sa’id b. Hazm al-Andalusi (384-456H / 994-1064M) yang terkenal dengan panggilan Ibn Hazm lahir di bandar Cordova pada 7 November 994 masihi bersamaan tahun 384 hijrah. Bapanya seorang menteri kerajaan dan beliau hidup membesar dalam suasana keluarga yang berada. Awalnya Ibn Hazm cenderung mempelajari ilmu sastera, syair dan bahasa hinggalah terjadi suatu peristiwa yang menyebabkan beliau beralih mempelajari ilmu fiqh, usul dan hadis. Peristiwa itu ialah apabila beliau melakukan kesilapan ketika mengimamkan solat jenazah ke atas seorang tokoh penting yang menyebabkan para hadirin mengherdiknya. Ini menyebabkan beliau belajar pengajian fiqh hingga menguasainya seterusnya menjadi jaguh dan imam dalam bidang ini. Ibn Hazm tinggal di Cordova, Andalusia dan mazhab rasmi kerajaan ketika itu ialah mazhab Maliki. Kecenderungan Ibn Hazm terhadap mazhab Zahiri menyebabkan berlaku perselisihan di antara beliau dengan Sulaiman b. Khalaf al-Baji. Sebelum menjadi jaguh dalam mazhab Zahiri, pada awalnya Ibn Hazm mempelajari ilmu fiqh daripada mazhab Syafii.

Akibat pergolakan politik ketika itu, Ibn Hazm pernah dipenjarakan pada tahun 414 hijrah dan selepas keluar daripada penjara beliau melibatkan diri dalam politik dan pentadbiran. Dalam masa yang sama beliau mula berjinak dengan ilmu hadis dan menghafal riwayat serta menjawab tohmahan ulama mazhab Maliki terhadap pemerintah. Beliau kemudiannya belajar fiqh mazhab Zahiri daripada gurunya Mas’ud b. Sulaiman al-Syantarini (nisbah kepada bandar Santarem, Portugal) di Masjid Jamik Cordova. Ibn Hazm diiktiraf sebagai salah seorang imam dalam mazhab Zahiri dan anak-anak muridnya di Andalus menisbahkan kepada beliau dengan panggilan ‘al-Hazmiyyah’. Beliau kemudian berpindah ke Almeria di selatan Sepanyol pada tahun 404 hijrah ketika berlaku serangan tentera Barbar yang menyaksikan kejatuhan ibu kota kerajaan Andalusia. Akibat pergolakan politik, beliau dipenjarakan kali kedua selepas itu. Selepas itu Ibn Hazm kembali ke tempat asalnya di Niebla dan menetap di situ bersama

keluarga dan anak-anak muridnya. Diriwayatkan daripada anaknya al-Faḍl b. ‘Ali bahawa karangan bapanya mencapai 400 judul hingga disebut orang, pena Ibn Hazm dan pedang al-Hajjaj sama tajam (*lisan Ibn Hazm wa saif al- Hajjaj syaqiqan*). Antara karya beliau yang terkenal ialah *al-Faṣl fi al-Milal, al-Muḥalla, al- Nasikh wa al-Mansukh, Hajjah al-Wada’* dan *Jawami’ al-Sirah* (Al-Zirkili, *al-A’lam*). Beliau terus mengarang dan menulis hingga wafat ketika umur 69 tahun pada 15 Julai 1064 bersamaan 456 hijrah.

Mudraj Dalam Hadis Asmaul Husna

Menurut al-Ghazali dan Ibn al-‘Arabi hitungan nama-nama ini merupakan ijtihad para perawi untuk menyempurnakan hadis *marfu’* yang menyatakan bagi Allah SWT 99 nama (Ibn Hajar, 1992). Kemasukan lafaz tambahan yang terhasil daripada ijtihad perawi ini dipanggil *mudraj* dalam ilmu hadis. *Idraj* atau lafaz tambahan sesuatu matan hadis diriwayatkan bersama-sama hadis bertujuan untuk memberi penerangan atau huraian ketika meriwayatkan hadis. *Idraj* boleh berlaku ketika perawi hendak menerangkan hukum-hakam hadis atau memberi makna lafaz hadis (*gharib al-hadis*) atau mensyarahkan sesuatu hadis. Kewujudan *idraj* dapat diketahui apabila ia dijelaskan dalam riwayat yang lain, penjelasan oleh ahli hadis, pengakuan perawi itu sendiri atau mustahil lafaz tambahan tersebut daripada kalam Nabi SAW (Mahmud al-Tahan, t.t.). Contoh *idraj* ialah seperti riwayat al-Khatib dalam hadis: “*Sempurnakanlah wuduk, celakalah tumit-tumit (yang tidak sempurna basuhan) dengan azab api neraka.*” Riwayat al-Bukhari menjelaskan bahawa lafaz ‘Sempurnakanlah wuduk’ ialah kalam Abu Hurairah manakala lafaz ‘Celakalah tumit-tumit dengan azab api neraka’ ialah hadis Nabi Muhammad SAW (Abu al-Laith, 2005).

Oleh sebab itu tidak sabit hitungan nama Asmaul Husna sebagai perkataan Nabi SAW (Ibn Hajar, 1992). Ulama hadis membuat kesimpulan riwayat yang menghitung nama Asmaul Husna ialah *da’if* dan ia merupakan penyempurnaan kepada hadis *marfu’* yang sahih iaitu bagi Allah 99 nama tanpa menghitungnya satu persatu. Al-Quran menjelaskan bahawa Allah SWT mempunyai nama-nama yang mulia dan diperintahkan hambaNya berdoa dengan nama-nama itu. Hadis yang sahih menjelaskan bahawa jumlah nama yang mulia itu 99 lalu dibukakan pintu ijtihad untuk mencari nama-nama tersebut kepada kaum muslimin. Antara mereka yang berijtihad menghitungnya ialah al-Walid b. Muslim melalui riwayat al-Tirmidhi, ‘Abd al-Malik b. Muhammad melalui riwayat Ibn Majah dan ‘Abd al-‘Aziz b. Husain melalui riwayat al-Hakim. Asmaul Husna dalam riwayat al-Tirmidhi ialah 98 nama, Ibn Majah 101 nama dan al-Hakim 94 nama. Walaupun terdapat riwayat lain yang menghitung nama ini seperti al-Tabarani, Ibn Hibban, Ibn Khuzaimah dan al-Baihaqi namun semua sanadnya bersambung kepada salah seorang daripada tiga perawi ini. Maka kajian kritik sanad akan menumpukan kepada riwayat ketiga-tiga perawi ini.

Jadual 1: Riwayat Yang Menghitung Asmaul Husna

Bil.	Kitab	Jumlah Nama	Nama Berulang
1	Sunan al-Tirmidhi	98	- tiada
2	Sunan Ibn Majah	101	2
3	Mustadrak al-Hakim	94	1

4	Al-Muhalla Ibn Hazm	84	- tiada
---	---------------------	----	---------

Selain daripada *'illah mudraj*, riwayat yang menghitung Asmaul Husna dikritik kerana nama-nama ini saling bercanggah di antara satu sama lain (*idtirab*). Al-Walid b. Muslim meriwayatkan daripada gurunya Syu'aib 98 nama seperti dalam riwayat al-Tirmidhi. Namun ketika al-Walid meriwayatkan daripada gurunya Zuhair terdapat beberapa nama yang digugurkan lalu diganti dengan nama yang lain (Ibn Hajar, 1992). Ulama hadis menyatakan al-Walid menghitung nama ini daripada guru-gurunya dari kalangan ahli hadis. Oleh sebab itu riwayat al-Walid dilihat berbeza-beza berdasarkan ijtihadnya namun yang masyhur sampai kepada kita ialah melalui riwayat al-Tirmidhi. Contoh nama yang bercanggah ialah *al-Qabid* dan *al-Basit*, al-Walid menggantikannya dengan *al-Qa'im* dan *al-Da'im* seperti riwayat al-Tabarani. Beliau menggantikan nama *al-Rasyid* dengan *al-Syadid*, nama *al-A'la*, *al-Muhit*, *al-Malik* dengan *al-Wadud*, *al-Majid*, *al-Hakim*. Dalam riwayat Ibn Hibban, al-Walid menggantikan *al-Rafi'* dengan *al-Mani'*, dalam riwayat Ibn Khuzaimah beliau gantikan *al-Hakim* dengan *al-Hakim*, *al-Qarib* dengan *al-Raqib*, *al-Mawla* dengan *al-Wali*, *al-Ahad* dengan *al-Mughni*. Manakala dalam riwayat al-Baihaqi beliau gantikan *al-Muqit* dengan *al-Mughith* (Ibn Hajar, 1992). Menurut Ibn Kathir, hitungan nama-nama ini dalam riwayat hadis ialah satu bentuk *idraj* (*mudraj fi al-hadis*). Para *huffaz* dari kalangan imam hadis telah sepakat bahawa hitungan nama-nama Allah SWT merupakan ijtihad daripada perawi yang dimasukkan menjadi sebahagian hadis Nabi SAW (Al-Amir al-San'ani, 1960).

Riwayat al-Tirmidhi daripada al-Walid b. Muslim

Asmaul Husna melalui riwayat ini ialah yang paling masyhur di dunia Islam. Memandangkan nama dalam riwayat al-Tirmidhi hanya berjumlah 98 nama, ditambah satu lagi iaitu *al-Ahad* untuk melengkapkannya menjadi 99. Nama *al-Ahad* sebenarnya terdapat dalam riwayat Ibn Majah, al-Hakim dan Ibn Khuzaimah bukannya al-Tirmidhi. Hadis Abu Hurairah riwayat al-Tirmidhi berpunca daripada perawi al-Walid b. Muslim (m.195H) dari generasi tabi tabiin pertengahan. Al-Walid b. Muslim seorang perawi *thiqah* namun kerap melakukan *tadlis* (Ibn Hajar, 2004). Riwayat al-Tirmidhi dikritik kerana kecacatan (*'illah*) yang disebabkan oleh *tadlis*. Al-Tirmidhi selepas meriwayatkannya, memberi isyarat bahawa hadis ini *gharib* menunjukkan ia diriwayatkan secara berseorangan tanpa sanad sokongan daripada sanad sahih lain. Hukum *gharib* oleh al-Tirmidhi ini bermaksud *da'if* kerana *'illah tadlis* daripada perawi Safwan dan al-Walid (al-Albani, 1991).

Safwan b. Salih (m.238H) ialah murid yang meriwayatkan daripada al-Walid b. Muslim. Walaupun Safwan seorang yang *thiqah* namun dikritik *mudallis* seperti gurunya al-Walid (Ibn Hajar, 2004). Ibn al-Wazir al-Yamani menyatakan perawi al-Walid seorang *mudallis* yang banyak melakukan *tadlis* termasuk daripada perawi pendusta. *Tadlis al-taswiyah* berlaku ketika al-Walid mengambil hadis daripada Syu'aib b. Abi Hamzah, beliau menggugurkan nama guru Syu'aib yang mengambil hadis daripada Abu al-Zinad. Lalu kelihatan seolah-olah sanad itu daripada al-Walid daripada Syu'aib daripada Abu al-Zinad sedangkan di antara Syu'aib dan Abu al-Zinad terdapat perawi lain. Perawi lain ini dikhuatiri perawi yang lemah (*da'if*) atau pendusta (*kadhdhab*). Maka perawi yang kerap melakukan *tadlis* (*kathir al-tadlis*) perlu berhati-hati menerima periwayatannya walaupun dia meriwayatkan dengan cara bersambung iaitu *haddathana* atau *sami'tu*. Sanad ini juga dikritik kerana perawi *thiqah* lain yang meriwayatkan daripada Abu al-Zinad tidak menghitung nama-nama ini seperti riwayat al-

Bukhari, Muslim termasuk al-Tirmidhi yang meriwayatkan daripada Sufyan b. 'Uyainah daripada Abu al-Zinad (Ibn al-Wazir, 1994).

Al-Hakim mengkritik sanad ini kerana al-Walid berseorangan (*tafarrud*) meriwayatkan daripada gurunya Syu'aib mengenai hitungan nama Asmaul Husna. Sedangkan murid-murid Syu'aib yang lain seperti Bisyr b. Syu'aib, 'Ali b. 'Ayyasy dan Abu al-Yaman dalam hadis Asmaul Husna tidak meriwayatkan hitungan nama-nama ini. Kata al-Baihaqi, berkemungkinan hitungan nama-nama ini sama ada daripada al-Walid sendiri atau al-Walid meriwayatkan daripada seorang perawi lain daripada gurunya Syu'aib. Atas dasar inilah al-Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkan hitungan nama Asmaul Husna dalam kitab *Shahih* mereka (Ibn Hajar, 1992).

Riwayat Ibn Majah daripada 'Abd al-Malik b. Muhammad

Asmaul Husna dalam riwayat Ibn Majah berjumlah 101 nama dengan dua nama berulang iaitu *al-Rahim* dan *al-Samad*. Hadis Abu Hurairah riwayat Ibn Majah berpunca daripada perawi 'Abd al-Malik b. Muhammad al-San'ani dari generasi tabi tabiin kecil. 'Abd al-Malik seorang perawi *layyin* menunjukkan riwayatnya sedikit dan tiada sokongan (Ibn Hajar, 2004). Riwayat Ibn Majah dikritik kerana perawi 'Abd al-Malik dan gurunya Zuhair. Zuhair b. Muhammad al-Tamimi (m.162H) seorang perawi *saduq* namun riwayat Zuhair yang diambil oleh penduduk Syam *munkar* manakala riwayatnya yang diambil oleh penduduk Basrah sahih (Ibn Hajar, 1984). Dalam sanad ini 'Abd al-Malik yang meriwayatkan daripada Zuhair dari penduduk Syam iaitu dari San'a', Damsyik. 'Abd al-Malik juga dikritik *layyin al-hadis* bermaksud riwayatnya yang ada sokongan sahaja diterima dan jika berseorangan ditolak.


Kajian menunjukkan riwayat 'Abd al-Malik berjumlah enam hadis dalam *al-Kutub al-Sittah*. Tiga hadisnya sahih kerana terdapat sokongan manakala tiga kekal *da'if* kerana tiada sokongan atau sanad yang menyokongnya juga lemah. Riwayat Asmaul Husna oleh Ibn Majah termasuk dalam kategori kekal *da'if* kerana lafaz yang ada sokongan ialah pada matan: "*Sesungguhnya bagi Allah itu 99 nama, seratus nama melainkan satu. Sesungguhnya Dia itu ganjil dan menyukai sesuatu yang ganjil. Sesiapa yang menghafalnya dia masuk ke dalam syurga.*" Manakala lafaz sambungan: "*Nama-nama itu ialah...*" tiada sanad lain yang menyokongnya (Wan Kamal Nadzif, 2017).

Riwayat al-Hakim daripada 'Abd al-'Aziz b. Huşain

Asmaul Husna dalam riwayat al-Hakim berjumlah 94 nama sahaja dengan satu nama berulang iaitu al-Majid. Hadis Abu Hurairah riwayat al-Hakim berpunca daripada perawi 'Abd al-'Aziz b. Huşain b. al-Tarjuman dari generasi tabi tabiin besar. 'Abd al-'Aziz b. Huşain ialah seorang *da'if* al-hadis seperti yang dinilai dalam kitab al-Jarh wa al-Ta'dil (Ibn Abi Hatim, 1952). Riwayat al-Hakim dalam al-Mustadrak dikritik kerana perawi 'Abd al-'Aziz b. Huşain kerana perawi ini *da'if* seperti yang dinilai oleh Ibn Abi Hatim, Ibn 'Adi, Abu al-Qasim al-Baghawi, al-Baihaqi, 'Ali b. al-Madini dan Yahya b. Ma'in (Al-Mizzi, 1994). Al-Bukhari mengkritiknya laisa bi al-qawiy manakalah al-Nasa'i menilainya matruk al-hadis. Kata Ibn Hibban, dia meriwayatkan hadis palsu dengan menyandarkannya kepada perawi thiqah maka tidak harus berhujah dengannya (Ibn al-Jawzi, 1406H).

Kesimpulannya semua riwayat yang menghitung nama Asmaul Husna ialah *da'if* kerana riwayatnya ganjil (*syadh*). Iaitu apabila dibandingkan dengan riwayat daripada perawi thiqah lain seperti dalam riwayat al-Tirmidhi yang sahih, riwayat al-Bukhari dan Muslim yang tidak menghitung nama-nama ini sebaliknya hanya menyebut bagi Allah SWT itu 99 nama. Riwayat

yang menghitung nama Asmaul Husna tidak sunyi daripada kritikan seperti riwayat al-Tirmidhi kerana 'illah tadlis, riwayat Ibn Majah kerana perawi layyin al-hadis dan riwayat al-Hakim kerana perawi da'if al-hadis. Ketiga-tiga riwayat ini bertentangan (mukhalafah) dengan riwayat perawi thiqah lain yang tidak menghitungnya. Riwayat yang tidak menghitung nama-nama ini terdapat dalam hadis Abu Hurairah, Salman al-Farisi, Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar dan 'Ali b. Abi Talib. Ringkasnya, terdapat tiga riwayat yang menghitung nama-nama Allah SWT iaitu al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Hakim dan ketiga-tiga riwayat ini terdapat percanggahan (ikhtilaf syadid), perselisihan, penambahan dan pengurangan (Ibn Hajar, 1992). Pohon sanad bagi hadis Asmaul Husna seperti rajah berikut (Al-Tirmidhi, t.th., Ibn Majah, t.th. & al-Hakim, 1990):



Rajah 1: Pohon Sanad Hadis Asmaul Husna

Syarat Nama Asmaul Husna

Syarat pertama untuk menjadikan sesuatu nama itu sebagai Asmaul Husna ialah nama tersebut mesti ada nasnya dalam al-Quran dan hadis yang sahih. Pemilihan Asmaul Husna bukanlah suatu perkara ijtihad yang hanya bersandarkan kepada logik akal tetapi ia termasuk dalam perkara *tawqifiyah* yang terikat dengan dalil al-Quran dan Sunnah. Ijtihad diperlukan dalam mencari dan memilih nama tersebut berdasarkan nas yang jelas. Dalam *al-'Awasim wa al-Qawašim* menyebut pemilihan 99 nama Asmaul Husna memerlukan nas yang disepakati kesahihannya berdasarkan *tawfiq Rabbani* (Ibn al-Wazir, 1994).

Syarat kedua nama Asmaul Husna mesti mempunyai ciri-ciri kata nama (*ism*) dan menepati kaedah-kaedah bahasa sebagai sebuah kata nama. Lima ciri-ciri kata nama menurut ilmu bahasa Arab ialah pertama, kata nama boleh digandingkan selepas kata hubung (*harf al-jarr*). Kedua, kata nama boleh diletakkan baris dua (*tanwin*). Ketiga, kata nama boleh digandingkan selepas kata seru (*ya' al-nida*). Keempat, kata nama boleh dimasukkan tanda pengenalan iaitu huruf *alif* dan *lam* (*alif lam ma'rifah*). Kelima, makna perkataan tersebut menunjukkan dan mengisyaratkan kepada kata nama (*yadullu 'ala musamma*) (Ibn 'Aqil, 1980). Lima ciri-ciri ini membezakan kata nama (*ism*) dengan kata kerja (*fi'l*) dan kata sendi (*harf*). Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman: “Dan bagi Allah nama-nama yang indah” (Al-Quran, 7:180) dengan menyebut nama-nama (*al-asma'*), bukannya sifat-sifat (*al-awšaf*) atau perbuatan-

perbuatan (*al-af'al*). Sifat dan perbuatan tidak boleh berdiri sendiri seperti sifat dengar (*al-sam'*), lihat (*al-baṣar*), tahu (*al-'ilm*) dan kuasa (*al-qudrah*) tidak seperti nama yang menunjukkan kepada yang dinamakan secara jelas. Maka nama kepada sifat-sifat ini ialah Maha Mendengar (*al-Sami'*), Maha Melihat (*al-Baṣir*), Maha Mengetahui (*al-'Alim*) dan Maha Berkuasa (*al-Qadir*).

Syarat ketiga ialah nama Asmaul Husna mestilah kata nama secara mutlak (*muṭlaq*) tanpa kata tambahan (*iḍafah*) atau kata yang ada ikatan (*taqyid*). Nama tersebut boleh berdiri sendiri tanpa kata tambahan yang mengiringinya atau ikatan zahir yang mengikatnya, dengan kata lain pujian dan keindahan itu terjelma daripada nama itu secara mutlak. Kata tambahan dan ikatan akan menyebabkan pujian, keindahan serta kesempurnaan itu tidak digambarkan secara mutlak. Sedangkan ayat al-Quran jelas menyebut Asmaul Husna ialah nama yang indah secara mutlak pada ayat: “Dan bagi Allah nama-nama yang indah” (Al-Quran, 7:180). *Al-Husna* ialah kata jamak kepada *al-Ahsan* bukannya *al-Hasan*. Maka sepatutnya nama itu ialah *ahsan al-asma'* iaitu nama yang terbaik dan terindah menunjukkan kesempurnaan kepada zat, nama dan sifatNya (Ibn al-Wazir, 1994). Keindahan namaNya menunjukkan ketinggian dan kesempurnaan zat yang suci dan ia boleh terhasil sekiranya nama itu berbentuk mutlak. Iaitu apabila sekali sahaja diseru dan berdoa dengannya, ia menunjukkan kebesaran, kemuliaan dan keagungan Tuhan.

Contoh nama yang berbentuk ikatan ialah Yang Menyampaikan (*al-Baligh*) yang terikat dengan ‘urusanNya’ seperti pada ayat: “*Sesungguhnya Allah menyampaikan urusanNya (melakukan perkara yang dikehendakiNya)*” (Al-Quran, 65:3). Nama ini tidak harus dinisbahkan sebagai Asmaul Husna kerana ia terikat dengan perkara lain seperti yang disebut dalam nas. Contoh lain ialah Yang Menghina (*al-Mukhzi*) dan Yang Bermusuhan (*al-'Aduw*) kerana ia terikat dengan orang kafir seperti ayat: “Dan (ingatlah) *sesungguhnya Allah akan menghina orang yang kafir*” (Al-Quran, 9:2) dan ayat: “*Kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang yang kafir*” (Al-Quran, 2:98). Begitu juga nama Yang Menipu (*al-Khadi'*) kerana ia terikat dengan orang munafik seperti ayat: “*Sesungguhnya orang munafik itu melakukan tipu daya terhadap Allah, dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka*” (Al-Quran, 4:142). Yang Menyempurnakan (*al-Mutim*) terikat dengan ‘cahayaNya’ seperti ayat: “*Dan Allah yang menyempurnakan cahayaNya*” (Al-Quran, 7:180), Yang Menumbuhkan (*al-Faliq*) terikat dengan biji benih seperti ayat: “*Sesungguhnya Allah jualah yang menumbuhkan butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan*” (Al-Quran, 6:95). Nama-nama berbentuk ikatan (*asma' muqayyadah*) seperti ini walaupun terdapat dalam nas namun tidak boleh kita berdoa secara mutlak melainkan perlu diikat seperti ia diikat pada nas. Maka kita berdoa sepertimana Nabi SAW berdoa: “*Wahai Yang Membolak-balikkan hati*” (Al-Tirmidhi, t.t.). Tidak boleh kita berdoa dengan hanya menyebut, ‘Wahai Yang Membolak-balikkan’ (*Muqallib*) sahaja.

Syarat keempat nama tersebutlah mestilah menunjukkan kepada sifat yang dinamakan iaitu zat Allah SWT. Dalam nas al-Quran dan hadis terdapat nama-nama (*a'lam*) dan sifat-sifat (*awṣaf*) yang merujuk kepadaNya. Firman Allah SWT: “*Katakanlah: Serulah nama Allah atau al-Rahman, yang mana sahaja kamu serukan; kerana bagiNyalah nama-nama yang baik*” (Al-Quran, 17:110) menunjukkan terdapat nama-nama yang merujuk kepada satu zat yang dinamakan iaitu Allah. Maka tiada bezanya kita menyebut Allah dengan menyebut nama-namaNya yang lain seperti *al-Rahman*, *al-Rahim*, *al-Malik*, *al-Qudus* dan *al-Salam*. Nama-nama yang tidak menunjukkan kepada sifat (*al-asma' al-jamidah*) tidak boleh dikategorikan sebagai Asmaul Husna. Nama yang *jamid* tiada unsur pujian dan tidak menunjukkan kepada

keindahan serta keindahan makna. Contohnya seperti dalam hadis Qudsi, Allah berfirman: "... Akulah masa (*ana al-dahr*).” (Al-Bukhari, 2004). Kata nama ini tidak layak untuk dikategorikan sebagai namaNya yang indah yang digunakan untuk berdoa dengannya kerana maksudnya ialah Akulah yang mencipta masa (Ibn Hajar, 1992). Begitu juga pandangan yang menyatakan huruf-huruf *muqata'ah* pada permulaan surah ialah sebahagian Asmaul Husna. Tidak boleh untuk kita berdoa, *Ya Alif, Ya Lam* atau *Ya Mim*.

Syarat kelima ialah sifat yang hendak dijadikan nama Asmaul Husna mesti menunjukkan kepada kesempurnaan yang mutlak. Dengan erti kata apabila perkataan itu diasingkan ia tidak menunjukkan kepada keindahan dan kesempurnaan pada nama (Mahmud 'Abd al-Raziq, 2012). Firman Allah SWT: "*Maha Suciilah nama Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan*" (Al-Quran, 55:78) menunjukkan nama Allah mesti suci, mulia dan bersih daripada segala makna yang boleh menunjukkan kekurangan. Maka tidak boleh dimasukkan sebagai Asmaul Husna nama-nama seperti Yang Membuat onar (*al-Makir*), Yang Merancang penipuan (*al-Khadi'*), Yang Menimbulkan fitnah (*al-Fatin*), Yang Menyesatkan (*al-Muḍil*), Yang Menghinakan (*al-Mustahzi'*), Yang Menipu daya (*al-Kayid*), Yang Memudaratkan (*al-Ḍar*) dan yang sepertinya kerana maksud nama-nama itu tidak menunjukkan kesempurnaan dan Maha Suci Allah dari sebarang bentuk kekurangan (Ibn Hajar, 1992).

Penilaian Semula Oleh Ibn Hazm

Ibn Hazm dan Abu al-Hasan al-Asy'ari berpandangan Asmaul Husna berjumlah 99 nama dan tidak boleh ditambah lebih daripada itu. Menurut Ibn Hazm sesiapa yang menambah melebihi 99 nama, maka itu termasuk dalam menyekutukan Allah pada nama-namaNya dan boleh jatuh kafir (Ibn Hazm, 1352H). Namun sebahagian besar ulama berpandangan nama-nama Allah SWT lebih banyak daripada itu seperti kata Ibn 'Abbas, Fakhr al-Din al-Razi, al-Ghazali, al-Nawawi, Ibn Battal dan Ibn Kathir. Al-Bayhaqi dalam *al-Asma' wa al-Sifat* menghitung 148 nama, al-Qurtubi menghitung hampir 200 nama dan Ibn al-'Arabi menghitung 1,000 nama (Ahmad Mukhtar 'Umar, 2000). Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* turut berijtihad menghitung 99 nama ini dengan menilai semula 27 nama yang terdapat dalam riwayat al-Tirmidhi. 27 nama tersebut ialah *al-Qābiḍ*, *al-Bāsīt*, *al-Khāfiḍ*, *al-Rāfi'*, *al-Mu'iz*, *al-Mudhil*, *al-'Adl*, *al-Jalīl*, *al-Bā'ith*, *al-Muḥṣi*, *al-Mubdi'*, *al-Mu'id*, *al-Mumit*, *al-Wājīd*, *al-Mājid*, *al-Muqadīm*, *al-Mu'akhir*, *al-Wāli*, *Dhu al-Jalal wa al-Ikram*, *al-Muqsiṭ*, *al-Mughni*, *al-Māni'*, *al-Ḍār*, *al-Nāfi'*, *al-Bāqi*, *al-Rasyīd* dan *al-Ṣabur* (Ibn Hajar, 1992).

Ibn Hazm al-Andalusi antara tokoh terawal yang mengkritik riwayat yang menghitung nama-nama Allah secara satu persatu. Beliau menyimpulkan hitungan nama-nama ini sebagai saling bercanggah antara satu sama lain (*muḍṭaribah*) yang tiada asalnya dan tidak sah. Sepatutnya nama-nama Asmaul Husna hanya diambil daripada nas al-Quran dan riwayat yang sah daripada Nabi SAW (Ibn Hazm, 1352H). Ulama sejak zaman sebelum Ibn Hazm juga pernah berijtihad menghitung nama-nama ini seperti Ja'far al-Ṣadiq (m.148), Sufyan b. 'Uyainah (m.198H), Abu Zaid al-Lughawi dan Muhammad b. Ibrahim al-Zahid (Ibn Hajar, 1992). Ibn Hazm berijtihad menghitung Asmaul Husna dalam *al-Muhalla* namun bilangan yang beliau kemukakan hanya 84 nama. Ibn 'Arabi (m.638H) menghuraikan 84 nama ini dalam *al-Futuhat al-Makkiyyah*. Hasil perbandingan riwayat, 4 nama yang Ibn Hazm kemukakan tidak disebut dalam mana-mana hadis dan tidak dicadangkan oleh Ibn Hajar untuk dinilai semula dalam *Fath al-Bari*. Nama-nama itu ialah *al-A'azz*, *al-Dahr*, *al-Akbar* dan *Miḥsan* (Ibn Hazm, 1352H). 25 nama berdasarkan ijtihad Ibn Hazm yang tiada dalam riwayat al-Tirmidhi yang masyhur ialah seperti berikut.

Nama al-Ilah

Nama *al-Ilah* bersumberkan ayat: “*Dan Tuhan kamu semua (Ilahukum) ialah Tuhan yang satu*” (Al-Quran, 2:163). Nama ini terdapat dalam riwayat al-Hakim dan dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm serta Ibn Hajar. *Ilah* bermaksud Tuhan yang sebenar-benar disembah manakala *Rab* bermaksud Tuhan pencipta alam. Lebih daripada 50 ayat lafaz jalalah Allah digandingkan dengan maksud ibadat dalam al-Quran.

Nama al-Qāhir

Nama *al-Qāhir* bersumberkan ayat: “*Dan Dialah yang berkuasa (al-Qāhir) atas hamba-hambaNya*” (Al-Quran, 6:18). *Al-Qahir* diulang 2 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat Ibn Majah dan dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm serta Ibn Hajar.

Nama al-Syākir

Nama *al-Syākir* bersumberkan ayat: “*Dan Allah itu Maha Menghargai (Syākiran) dan Maha Mengetahui*” (Al-Quran, 4:147). *Al-Syākir* diulang 2 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat al-Hakim dan dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm serta Ibn Hajar.

Nama al-Khallāq

Nama *al-Khallāq* bersumberkan ayat: “*Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang menciptakan (al-Khallāq) sekalian makhluk, lagi Maha Mengetahui*” (Al-Quran, 15:86). *Al-Khallāq* diulang 2 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat al-Hakim dan dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm serta Ibn Hajar.

Nama al-Rab

Nama *al-Rab* bersumberkan ayat: “*Mereka juga beroleh ucapan salam sejahtera dari Tuhan (Rab) Yang Maha Mengasihani*” (Al-Quran, 36:58). *Al-Rab* diulang sebanyak 900 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat Ibn Majah dan al-Hakim serta dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm juga Ibn Hajar.

Nama al-Mubin

Nama *al-Mubin* bersumberkan ayat: “*Sesungguhnya Allah itu Dia yang Maha Benar lagi Maha Menjelaskan (kewujudan dan keesaanNya dengan dalil) (al-Mubin)*” (Al-Quran, 24:25). Nama ini diulang sekali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat Ibn Majah dan al-Hakim serta dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm juga Ibn Hajar.

Nama al-Aḥad

Nama *al-Aḥad* bersumberkan ayat: “*Katakanlah (Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa (Aḥad)*” (Al-Quran, 112:1). Nama ini terdapat dalam riwayat Ibn Majah dan al-Hakim dan diulang sebanyak sekali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm dan Ibn Hajar.

Nama al-Malik

Nama *al-Malik* bersumberkan ayat: “*...di sisi Tuhan yang menguasai (Malik) segala-galanya, lagi yang berkuasa melakukan sekehendakNya*” (Al-Quran, 54:55). Nama ini terdapat dalam riwayat al-Hakim dan diulang sekali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm dan Ibn Hajar.

Nama *al-Qadir*

Nama *al-Qadir* bersumberkan ayat: “*Dan Dia Maha Kuasa (Qadir) atas tiap-tiap sesuatu*” (Al-Quran, 30:50). Nama *al-Qadir* diulang sebanyak 45 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat al-Hakim dan dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm serta Ibn Hajar.

Nama *al-A‘lā*

Nama *al-A‘lā* bersumberkan ayat: “*Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu yang Maha Tinggi (al-A‘lā)*” (Al-Quran, 87:1). Nama ini diulang sebanyak 2 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm dan Ibn Hajar.

Nama *al-Akram*

Nama *al-Akram* bersumberkan ayat: “*Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah (al-Akram)*” (Al-Quran, 96:3). Nama ini terdapat dalam riwayat al-Hakim dan diulang sekali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm dan Ibn Hajar.

Nama *al-Qarib*

Nama *al-Qarib* bersumberkan ayat: “*Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat (Qarib) lagi sentiasa memperkenankan (permohonan hambaNya)*” (Al-Quran 11:61). Nama ini diulang sebanyak 3 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014). Ia terdapat dalam riwayat Ibn Majah dan al-Hakim serta dicadangkan sebagai Asmaul Husna oleh Ibn Hazm juga Ibn Hajar.

Nama *al-A‘azz*

Nama *al-A‘azz* bersumberkan hadis sahih riwayat Ibn Abi Syaibah yang *mawquf* kepada Ibn Mas‘ud dan Ibn ‘Umar bahawa mereka berdua berdoa dalam sa‘i di antara Safa dan Marwah: “... *innaka anta al-A‘azz al-Akram*” (Al-Albani, t.t.).

Nama *al-Dahr*

Nama *al-Dahr* bersumberkan hadis sahih: “*Anak Adam menyakitiKu, dia mencela masa sedangkan Akulah masa itu, di tanganKu segala urusan, Aku yang membolak-balikkan antara malam dan siang.*” (Al-Bukhari, 2004). Walaupun disebut ‘Akulah masa’ (*ana al-dahr*) namun kata nama ini tidak membawa sebarang makna untuk dimasukkan sebagai salah satu Asmaul Husna kerana ia bermaksud waktu dan zaman. Makna lafaz ‘Akulah masa’ ialah Akulah yang mencipta masa (Ibn Hajar, 1992).

Nama *al-Akbar*

Nama ini terkandung dalam doa selepas solat yang dibaca oleh Nabi SAW: “... *Allahu Akbar al-Akbar...*” (Abu Dawud, t.t.) namun hadis ini tidak boleh dijadikan hujah kerana sanadnya *da‘if* disebabkan terdapat perawi *layyin al-hadith* (Al-Albani, t.t.).

Nama *Mihsān*

Nama *Mihsān* ialah nama yang tiada dalam nas dalam bentuk kata nama sebaliknya berasal daripada nama *muhsin* yang dipecahkan daripada perkataan ihsan kerana *mihsān* bermaksud yang empunya belas kasihan (*dhu ihsān*) atau *kathir al-ihsān* iaitu *karim*.

Nama *Jamil*

Nama *al-Jamil* bersumberkan hadis sahih: “*Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan Dia sukakan keindahan (inna Allaha Jamil)*” (Muslim, 2003).

Nama Witr

Nama *al-Witr* bersumberkan hadis sahih: “*Sesungguhnya Dia Tunggal dan sukakan yang ganjil (innahu Witrun)*” (Muslim, 2003).

Nama Rafiq

Nama *al-Rafiq* bersumberkan hadis sahih: “*Sesungguhnya Allah itu Maha Penyantun, Dia sukakan kelembutan (inna Allaha Rafiq)*” (Al-Bukhari, 2004).

Nama al-Sayyid

Nama *al-Sayyid* bersumberkan kisah daripada sebuah hadis sahih ketika rombongan Bani ‘Amir datang mengadap Rasulullah SAW lalu mereka mengucapkan, engkaulah tuan kami (*anta sayyiduna*). Baginda lalu bersabda: “*Penguasa (tuan kepada makhluk) itu Allah Tabaraka wa Ta’ala (Al-Sayyid Allah Tabaraka wa Ta’ala)*” (Abu Dawud, t.t.).

Nama al-Mu’*ti*

Nama *al-Mu’*ti** bersumberkan hadis sahih: “*Sesiapa yang Allah kehendaki baginya kebaikan, diberinya kefahaman dalam urusan agama. Dan Allah Maha Pemberi sedangkan aku yang mengagihkan (wa Allah al-Mu’*ti*)*” (Al-Bukhari, 2004).

Nama al-Subbuh

Nama *al-Subbuh* iaitu yang Maha Suci bersumberkan hadis sahih bahawa ‘Aisyah meriwayatkan antara zikir Rasulullah SAW ketika rukuk dan sujud ialah *Subbuh Quddus Rabbul Mala’ikati wa al-Ruh* (Muslim, 2003).

Nama al-Syāfi

Nama *al-Syāfi* iaitu yang Maha Penyembuh bersumberkan hadis sahih bahawa ‘Aisyah meriwayatkan antara doa Rasulullah SAW apabila menziarahi orang sakit atau dibawa kepadanya orang sakit baginda mengucapkan *isyfi wa anta al-Syāfi la syifa’ illa syifa’uka* (Al-Bukhari, 2004).

Nama al-Musa’*ir*

Nama *al-Musa’*ir** tiada dalam al-Quran sebaliknya bersumberkan hadis sahih ketika sebahagian Sahabat meminta Nabi SAW menetapkan harga pasaran lalu baginda bersabda: “*Sesungguhnya Dialah al-Musa’*ir* (yang menentukan naik turun harga), al-Qabiḍ (yang menyempitkan), al-Basiṭ (yang meluaskan), al-Raziq*” (Abu Dawud, t.t.).

Nama Allah

Nama *Allah* iaitu Tuhan yang sebenar disembah berasal daripada perkataan *ilah*, kemudian dimasukkan *alif lam* lalu dihapuskan (*maḥdhuf*) *hamzah*. Kemudian dimasukkan (*idgham*) *lam* yang pertama kepada *lam* yang kedua lalu disebut *Allah*. Ini bagi pandangan yang mengatakan nama Allah itu boleh dipecahkan (*musytaqqah*). Pandangan kedua mengatakan iatidak boleh dipecahkan kerana ia menunjukkan kepada zat Tuhan (*‘alam ‘ala dhatihi*) dan *aliflam* di depan nama ini tidak gugur ketika dimasukkan kata seruan ‘wahai’ (*harf al-nida’*) tidak seperti nama yang lain. Maka disebut ‘ya Allah’ tetapi tidak ‘ya al-Rahman’ sebaliknya ‘ya Rahman’. Ini ialah pandangan Sibawaih, al-Syafii dan al-Khaṭṭabi. Ibn Hajar turut menjadikan nama *Allah* sebagai salah satu nama Asmaul Husna. Ini disebabkan *Allah* merupakan nama agung (*ism al-Jalalah*) dan nama besar (*ism al-‘*zam**) yang merujuk kepada zat yang dinamakan iaitu Allah. Menurut Ibn Qayyim, semua nama Asmaul Husna menunjukkan kepada nama agung ini. Nama

al-Rahmān, al-Qudus sebahagian daripada nama Allah tetapi *Allah* bukan sebahagian daripada nama *al-Rahmān* atau *al-Qudus* (Mahmud ‘Abd al-Raziq, 2012). Nama *Allah* diulang sebanyak 2,724 kali dalam al-Quran (Assayyid, 2014).

Jadual 2: Perbandingan Riwayat Yang Menghitung Asmaul Husna

Bil.	Riwayat al-Tirmidhi	Riwayat Ibn Majah	Riwayat al-Hakim	Penilaian Ibn Hazm
1.	الرَّحْمَنُ	الرَّحْمَنُ	الرَّحْمَنُ	الرَّحْمَنُ
2.	الرَّحِيمُ	الرَّحِيمُ	الرَّحِيمُ	الرَّحِيمُ
3.	الْمَلِكُ	الْمَلِكُ	الْمَلِكُ	الْمَلِكُ
4.	الْقُدُّوسُ	الرَّاشِدُ	الْقُدُّوسُ	الْقُدُّوسُ
5.	السَّلَامُ	السَّلَامُ	السَّلَامُ	السَّلَامُ
6.	الْمُؤْمِنُ	الْمُؤْمِنُ	الْمُؤْمِنُ	الْمُؤْمِنُ
7.	الْمُهَيِّمِ	الْمُهَيِّمِ	الْمُهَيِّمِ	الْمُهَيِّمِ
8.	الْعَزِيزُ	الْعَزِيزُ	الْعَزِيزُ	الْعَزِيزُ
9.	الْجَبَّارُ	الْجَبَّارُ	الْجَبَّارُ	الْجَبَّارُ
10.	الْمُتَكَبِّرُ	الْمُتَكَبِّرُ	الْمُتَكَبِّرُ	الْمُتَكَبِّرُ
11.	الْخَالِقُ	الْخَالِقُ	الْخَالِقُ	الْخَالِقُ
12.	الْبَارِئُ	الْبَارِئُ	الْبَارِئُ	الْبَارِئُ
13.	الْمُصَوِّرُ	الْمُصَوِّرُ	الْمُصَوِّرُ	الْمُصَوِّرُ
14.	الْعَقَّارُ	الْبُرْهَانُ	الْعَقَّارُ	الْعَقَّارُ
15.	الْقَهَّارُ	الْعَالِمُ	الْبِعْثُ	الْقَهَّارُ
16.	الْوَهَّابُ	الْوَهَّابُ	الْوَهَّابُ	الْوَهَّابُ
17.	الرَّزَّاقُ	الرَّزَّاقُ	الرَّزَّاقُ	الرَّزَّاقُ
18.	الْفَتَّاحُ	الْقَاهِرُ	الْفَتَّاحُ	الْفَتَّاحُ
19.	الْعَلِيمُ	الْعَلِيمُ	الْعَلِيمُ	الْعَلِيمُ
20.	الْقَابِضُ	الْقَابِضُ	ذُو الْفَضْلِ	الْقَابِضُ
21.	الْبَاسِطُ	الْبَاسِطُ	ذُو الْمَعَارِجِ	الْبَاسِطُ
22.	الْحَافِضُ	الْحَافِضُ	ذُو الطَّوْلِ	الْقَاهِرُ
23.	الرَّافِعُ	الرَّافِعُ	الشَّاكِرُ	الشَّاكِرُ
24.	الْمُعِزُّ	الْمُعِزُّ	الْخَالِقُ	الْخَالِقُ
25.	الْمُدِلُّ	الْجَمِيلُ	الْجَمِيلُ	الْإِلَهُ
26.	السَّمِيعُ	السَّمِيعُ	السَّمِيعُ	السَّمِيعُ
27.	الْبَصِيرُ	الْبَصِيرُ	الْبَصِيرُ	الْبَصِيرُ
28.	الْحَكِيمُ	الْمُهَادِي	الْمُهَادِي	الْأَكْبَرُ
29.	الْعَدْلُ	الرَّبُّ	الرَّبُّ	الرَّبُّ
30.	اللَّطِيفُ	اللَّطِيفُ	اللَّطِيفُ	اللَّطِيفُ
31.	الْحَيُّ	الْحَيُّ	الْحَيُّ	الْحَيُّ
32.	الْقَلِيمُ	الْحَلِيمُ	الْحَلِيمُ	الْحَلِيمُ
33.	الْعَظِيمُ	الْعَظِيمُ	الْعَظِيمُ	الْعَظِيمُ
34.	الْعَفُورُ	الْعَفُورُ	الْعَفُورُ	الْعَفُورُ
35.	السَّكُورُ	السَّكُورُ	السَّكُورُ	السَّكُورُ
36.	الْعَلِيُّ	الْعَلِيُّ	الْعَلِيُّ	الْعَلِيُّ
37.	الْكَبِيرُ	الْمُنِيرُ	الْكَبِيرُ	الْكَبِيرُ
38.	الْحَقِيقُ	الْحَافِظُ	الْحَقِيقُ	الْأَعَزُّ

39.	الْمَقِيَّتُ	الْقَانِمُ	الْحَنَانُ	السَّيِّدُ
40.	الْحَسِيْبُ	الْوَاقِي	الْمُغِيْثُ	سُبُوْحُ
41.	الْمَجْلِيْلُ	الْمَجْلِيْلُ	الْمَجْلِيْلُ	وَيْثُرُ
42.	الْكُرِيْمُ	الْكُرِيْمُ	الْكُرِيْمُ	الْكُرِيْمُ
43.	الرَّقِيْبُ	الرَّقِيْبُ	الرَّقِيْبُ	مَحْسَنَانُ
44.	الْمُجِيْبُ	الْمُجِيْبُ	الْمُجِيْبُ	الْمُجِيْبُ
45.	الْوَاسِعُ	الْمَاجِدُ	الْوَاسِعُ	الْوَاسِعُ
46.	الْحَكِيْمُ	الْحَكِيْمُ	الْحَكِيْمُ	الْحَكِيْمُ
47.	الْوُدُوْدُ	الْوُدُوْدُ	الْوُدُوْدُ	الْوُدُوْدُ
48.	الْمَجِيْدُ	الْمَجِيْدُ	الْمَجِيْدُ	الْمَجِيْدُ
49.	الْبَاعِثُ	الْبَاعِثُ	الْعَلَامُ	جَمِيْلٌ
50.	الشَّهِيدُ	الشَّهِيدُ	الشَّهِيدُ	رَفِيْقٌ
51.	الْحَقُّ	الْحَقُّ	الْحَقُّ	الْحَقُّ
52.	الْوَكِيْلُ	الْوَكِيْلُ	الْوَكِيْلُ	الْمُسَعَّرُ
53.	الْقَوِيُّ	الْقَوِيُّ	الْمُدَبِّرُ	الْقَوِيُّ
54.	الْمَتِيْنُ	الْمَتِيْنُ	الرَّفِيْعُ	الْمَتِيْنُ
55.	الْوَلِيُّ	الْوَلِيُّ	الْمُعِيْدُ	الْوَلِيُّ
56.	الْحَمِيْدُ	الصَّادِقُ	الصَّادِقُ	الْحَمِيْدُ
57.	الْمُخْصِي	الْمَمِيْتُ	الْمَمِيْتُ	الْمُعْطِي
58.	الْمُبْدِيُّ	الْمُعْطِي	الْمُبْدِيُّ	الدَّهْرُ
59.	الْمُعِيْدُ	المُهَيَّنُ	المُهَيَّنُ	المُهَيَّنُ
60.	الْمُحْيِي	الْوَاحِدُ	المَوْلَى	الشَّافِي
61.	الْمَمِيْتُ	الْمُعِيْدُ	التَّصْوِيْرُ	المَلِيْكُ
62.	الْحَيُّ	الْحَيُّ	الْحَيُّ	الْحَيُّ
63.	الْقِيَوْمُ	الْقِيَوْمُ	الْقِيَوْمُ	الْقِيَوْمُ
64.	الْوَاجِدُ	الْمُحْيِي	الْمُحْيِي	الأَكْرَمُ
65.	الْمَاجِدُ	الأَخْدُ	الأَخْدُ	الأَخْدُ
66.	الْوَاجِدُ	الْوَاجِدُ	الْوَاجِدُ	الْوَاجِدُ
67.	الصَّمَدُ	الصَّمَدُ	الصَّمَدُ	الصَّمَدُ
68.	القَادِرُ	القَادِرُ	القَادِرُ	القَادِرُ
69.	الْمُقْتَدِرُ	الأَبْدُ	الْمُقْتَدِرُ	مُقْتَدِرٌ
70.	الْمُقَدِّمُ	الدَّائِمُ	الدَّائِمُ	الْمُقَدِّمُ
71.	الْمُوْخِرُ	أَفْطَرُ	أَفْطَرُ	الْمُوْخِرُ
72.	الأَوَّلُ	الأَوَّلُ	الأَوَّلُ	الأَوَّلُ
73.	الآخِرُ	الآخِرُ	الآخِرُ	الآخِرُ
74.	الظَّاهِرُ	الظَّاهِرُ	الظَّاهِرُ	الظَّاهِرُ
75.	البَاطِنُ	البَاطِنُ	البَاطِنُ	البَاطِنُ
76.	الْوَالِي	الْوَالِي	الكَافِي	الْمُتَعَالِي
77.	الْمُتَعَالِي	الْمُتَعَالِي	الْمُتَعَالِي	الرَّبُّ
78.	الرَّبُّ	الرَّبُّ	الرَّبُّ	التَّوَابُ
79.	التَّوَابُ	التَّوَابُ	التَّوَابُ	الأَعْلَى
80.	الْمُنْتَقِمُ	الصَّارُ	الإِلَهُ	عَفُوٌّ
81.	العَفُوُّ	العَفُوُّ	القَدِيْمُ	رَءُوفٌ
82.	الرَّءُوفُ	الرَّءُوفُ	الرَّءُوفُ	الرَّءُوفُ

83.	مَالِكُ الْمَلِكِ	الْقَدِيمُ	المَالِكُ	الْقَرِيبُ
84.	ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ	ذُو الْقُوَّةِ	الْأَكْرَمُ	اللهُ
85.	الْمُقْسِطُ	الْمُقْسِطُ	المَلِكُ	
86.	الْجَامِعُ	الْجَامِعُ	ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ	
87.	الْعَيْيُ	الْكَاثِي	التَّوْرُ	
88.	الْمُعْنِي	الشَّدِيدُ	الْبَاقِي	
89.	الْمَانِعُ	الْعَيْيُ	الْعَيْيُ	
90.	الصَّارُ	الْوَثْرُ	الْوَثْرُ	
91.	النَّافِعُ	النَّافِعُ	الْمَنَّانُ	
92.	التَّوْرُ	التَّوْرُ	القَدِيرُ	
93.	الْهَادِي	الْمُذِلُّ	القَرِيبُ	
94.	الْبَدِيعُ	السَّمَاعُ	(الْمَجِيدُ)	
95.	الْبَاقِي	الْبَاقِي		
96.	الْوَارِثُ	التَّامُّ		
97.	الرَّشِيدُ	الْوَارِثُ		
98.	الصَّبُورُ	الْمَانِعُ		
99.		الإِلَهُ		
100.		(الرَّحِيمُ)		
101.		(الصَّمَدُ)		

Daripada 84 nama yang Ibn Hazm kemukakan 25 nama tiada dalam riwayat al-Tirmidhi iaitu riwayat yang masyhur di negara ini dan di kalangan masyarakat. Sungguhpun begitu 5 daripada 25 ini terdapat dalam riwayat Ibn Majah dan al-Hakim iaitu *al-Rab*, *al-Witr*, *al-Jamil*, *al-Mubin* dan *al-Ahad*. Satu nama hanya terdapat dalam riwayat Ibn Majah iaitu *al-Qahir* dan tujuh nama hanya terdapat dalam riwayat al-Hakim iaitu *al-Syakir*, *al-Khallaq*, *al-Ilah*, *al-Malik*, *al-Akram*, *al-Qadir* dan *al-Qarib*. Manakala baki 12 daripada 25 nama tiada dalam riwayat al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Hakim. Ia berdasarkan ijtihad Ibn Hazm sendiri iaitu *al-Akbar*, *al-A'azz*, *al-Sayyid*, *al-Subbuḥ*, *al-Miḥsan*, *al-Rafiq*, *al-Musa'ir*, *al-Muṭi'*, *al-Dahr*, *al-Syafi*, *al-A'la* dan lafaz jalalah Allah (Ibn Hazm, 1352H).

Pintu Ijtihad Masih Terbuka

Hitungan nama Asmaul Husna masih terbuka pintu ijtihadnya hingga sekarang. Ketika penulis menziarahi Pameran Asmaul Husna (*The Beautiful Names of Allah Exhibition*) bersebelahan Masjid Nabawi pada musim Haji 1438 hijrah tahun 2017 nama-nama yang dipamerkan di sini tidak masyhur di Malaysia. Nama-nama tersebut boleh dirujuk di laman web www.allahsnames.net. Namun kesemua nama ini diambil sama ada daripada ayat al-Quran atau hadis yang sahih. *Al-Hayyiyyu* yang bersumberkan hadis sahih: “*Sesungguhnya Tuhan kamu Tabaraka wa Ta'ala itu malu, mulia. Dia malu andai hamba itu mengangkat kedua belah tangan kepadaNya untuk kembalikan kepada kedua tangan itu dalam keadaan kosong (inna Rabbakum Tabaraka wa Ta'ala Hayyiyun)*” (Abu Dawud, t.t.). *Al-Ṭayyib* bersumberkan hadis sahih riwayat Muslim: “*Sesungguhnya Allah itu suci, Dia tidak menerima melainkan yang baik suci (inna Allaha Ṭayyibun)*” (Muslim, 2003). *Al-Mālik* bersumberkan hadis sahih: “*...tiada yang menguasai melainkan Allah (la Mālik illaLlah)*” (Muslim, 2003) dan ia terdapat dalam riwayat al-Hakim. *Al-Jawad* bersumberkan hadis sahih riwayat Ibn Abi Syaibah: “*Sesungguhnya Allah itu Maha Pemberi, Dia sukakan pemberian (inna Allaha Jawad)*” (Al-Albani, t.t.).

Begitu juga nama *al-Sittir* yang bersumberkan hadis sahih: “*Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla itu malu dan menutupi (menutup aib hambaNya), Dia sukakan malu dan menutupi (Sittir)*” (Abu Dawud, t.t.). *Al-Muhsin* bersumberkan hadis sahih riwayat al-Tabarani: “*Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla itu sangat berlaku ihsan dan Dia sukakan kebaikan (inna Allaha ‘Azza wa Jalla Muhsin)*” (Al-Albani, t.t.). *Al-Mannan* iaitu yang Maha Menganugerahi bersumberkan hadis sahih ketika Anas sedang duduk bersama Rasulullah SAW, seorang Sahabat berdoa dengan menyeru nama-nama Allah antaranya *al-Mannan*. Lalu Nabi SAW menyatakan dia telah berdoa dengan namaNya yang agung yang menyebabkan doanya mustajab dan makbul (Abu Dawud, t.t.). Nama ini juga terdapat dalam riwayat al-Hakim. *Al-Dayyan* iaitu yang pemutus hukuman bersumberkan hadis sahih: “*Allah menghimpunkan semua hamba dan menyeru mereka dengan suara yang jauh dapat mendengarnya seperti mana yang dekat, Akulah al-Malik, Akulah al-Dayyan*” (Al-Bukhari, 2004). Ini antara nama-nama Allah yang tidak masyhur tetapi terdapat nas hadis yang sahih mengenainya.

Kesimpulan

Nama-nama Allah yang masyhur di dunia Islam khususnya dalam masyarakat Melayu bersumberkan riwayat al-Tirmidhi. Sebenarnya terdapat dua lagi riwayat yang menghitung nama-nama ini iaitu riwayat Ibn Majah dan al-Hakim. Dalam hadis yang sahih seperti riwayat al-Bukhari dan Muslim, tiada hitungan nama ini satu persatu. Memandangkan tiada suatu kata putus daripada Nabi SAW mengenai nama-nama ini, para ulama telah berusaha untuk mencari dan mengenal pasti nama-nama tersebut. Oleh sebab itu ganjaran syurga dijanjikan bagi sesiapa yang menjumpainya. Kajian perlu terus dilaksanakan bagi mencari 99 nama yang memenuhi kriteria Asmaul Husna.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil kajian yang dijalankan melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1 Tahun 2021, Universiti Teknologi MARA: 600-RMC/FRGS 5/3 (196/2021), bertajuk “Model Psikoterapi Nabawi Dalam Menangani Kemurungan Remaja Era Pandemik”.

Rujukan

- Abu Dawud, Sulaymān b. al-Asy‘ath al-Sajistāni. (t.t.). *Sunan Abi Dawud, tahqiq: Muhammad Nāṣir al-Din al-Albāni*. Maktabat al-Ma‘ārif.
- Ahmad Mukhtar ‘Umar (2000). *Asmā‘ullāh al-Ḥusna: Dirāsah fī al-Binyah wa al-Dalālah*. Maktabat al-Ussrah.
- Al-Albāni, Mūhammad Nāṣir al-Din (t.t.). *Al-Silsilat al-Ṣāhihah*. Maktabat al-Ma‘ārif.
- Al-Albāni, Muhammad Nāṣir al-Din. (1991). *Da‘if Sunan al-Tirmidhi*. Al-Maktab al-Islami.
- Al-Albāni, Muhammad Nāṣir al-Din. (t.t.). *Ṣāhih wa Da‘if al-Jami‘ al-Saghir wa Ziyadatuh*. Al-Maktab al-Islami.
- Al-Amir al-Ṣan‘āni, Muhammad b. Isma‘il. (1960). *Subul al-Salam*. Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Bukhāri, Muḥammad b. Isma‘il b. Ibrahim. (2004) *Ṣāhih al-Bukhāri*. Mu‘assasat al-Mukhtar.
- Al-Dhahabi, Syams al-Din Muhammad b. Ahmad b. ‘Uthman. (1993). *Siyar A‘lam al-Nubala’*. Mu‘assasah al-Risalah.
- Al-Ḥākim, Muhammad b. ‘Abdillah al-Naysābūri. (1990). *Al-Mustadrak ‘ala al-Ṣāhihain, ta’liq al-Dhahabi*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mizzi, Jamāl al-Din Abi al-Ḥajjāj Yūsuf b. ‘Abd al-Rahmān. (1994). *Tahdhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*. (35 jld). Mu‘assasat al-Risalah.
- Al-Qusyairi, Muslim b. al-Ḥajjāj al-Naysabūri. (2003). *Ṣāhih Muslim*. Dar Ibn al-Haitham.

- Al-Tirmidhi, Abū 'Īsā Muhammad b. 'Īsā b. Sawrah. (t.t), *Sunan al-Tirmidhi, tahqiq*: Assayyid, Muhammad Mustafa Bakri. (2014). *The Beautiful Names of Allah Exhibition*. King Fahd National Library.
- Dhabb 'an Sunnah Abi al-Qasim*. Mu'assasah al-Risalah.
- Ḥabir fi Takhrij Aḥādith al-Rafi' al-Kabir*. (4 jld.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Abi Ḥātim, Abū Muhammad 'Abd al-Rahman b. Abi Ḥātim Muhammad b. Idris al-Rāzi. (1952). *Al-Jarh wa al-Ta'dil*. (9 jld.). Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi.
- Ibn al-Jawzi, 'Abd al-Raḥmān b. 'Ali b. Muḥammad. (1406H). *al-Du'afā' wa al-Matrukin*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Wazir al-Yamani, Muhammad b. Ibrahim. (1994). *al-'Awaṣim wa al-Qawaṣim fi al-*
- Ibn Ḥajr, Syihāb al-Din Ahmad b. 'Ali b. Ḥajr al-'Asqalāni (1984). *Tahdhib al- Tahdhib*. Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥajr, Syihāb al-Din Ahmad b. 'Ali b. Ḥajr al-'Asqalāni. (1989). *Al-Talkhiṣ al-*
- Ibn Ḥajr, Syihāb al-Din Ahmad b. 'Ali b. Ḥajr al-'Asqalāni. (1992). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Ghad al-'Arabi.
- Ibn Ḥajr, Syihāb al-Din Ahmad b. 'Ali b. Ḥajr al-'Asqalāni. (1992). *Hady al-Sāri Muqaddimah Fath al-Bāri*. Dār al-Ghad al-'Arabi.
- Ibn Ḥajr, Syihāb al-Din Ahmad b. 'Ali b. Ḥajr al-'Asqalāni. (2004). *Taqrib al- Tahdhib, tahqiq*: Abū Muhammad Ṣalāh al-Din b. 'Abd al-Mawjūd, Mansurah. Dar Ibn Rajab.
- Ibn Ḥazm, Abū Muhammad 'Ali b. Ahmad b. Said al-Zāhiri. (1352H). *al-Muhallā*. Idārat al-Ṭabā'at al-Muniriyyah.
- Ibn Mājah, Abū 'Abdillāh Muhammad b. Yazid al-Qazwini. (t.t). *Sunan Ibn Mājah, tahqiq* : Ibnu Zakaria al-Bary. (t.t). Ibnu Hazm Dan Pegangan Mazhab Az-Zahiri, diakses dari https://www.academia.edu/36413798/Ibnu_Hazm_Dan_Pegangan_Mazhab_Az_Zahir
- Mahmud 'Abd al-Raziq, Dr. (2012). *Asma' Allah al-Husna al-Thabitah fi al-Kitab wa al-Sunnah*. Syarikah al-Basirah.
- Mahmud al-Tahan, Dr. (t.t.). *Taysir Mustalah al-Hadis*. Qadimi Kutub Khanah.
- Muhammad Abū al-Layth, Dr. (2005). *'Ulūm al-Ḥadith Aṣiluhā wa Mu'āṣiruhā*. Dār al-Syakir.
- Noer Yasin. (2005). Pemikiran Hukum Ibnu Hazm. *Jurnal el-Harakah*. (Volume 7, Januari-April 2005).
- Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. (2001). (Ed. ke-12). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil. (2017). *Konsep Layyin al-Hadis Menurut Ibn Hajar Dan Perwayatannya Dalam al-Kutub al-Sittah*. Tesis Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Islam, Fakulti Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Wan Kamal Nadzif Wan Jamil. (2021). Penilaian Semula Asmaul Husna Menurut Ibn Hajar. *Journal of Hadith Studies*. (Volume 6, Disember 2021).